

GROUP DEPARTURE 2026: 5 HARI 4 MALAM THAILAND GATEWAY – EXPLORE BANGKOK & KANCHANABURI (ALL IN – FULLBOARD HALAL)

THAILAND

Explore vibrant Bangkok, cultural Ratchaburi, and scenic Kanchanaburi in one unforgettable journey!

Tour Code: S007

DOWNLOAD PDF ITINERARY

Kanchanaburi terletak di bahagian barat Thailand dan merupakan wilayah yang dipenuhi dengan budaya yang kaya dan sejarah yang menarik. Ini digabungkan dengan fakta bahawa ia mudah diakses dari Bangkok menjadikannya salah satu lokasi yang hebat untuk diterokai di Thailand.



SENARAI HARGA:

| TARIKH | HARGA SEORANG (RM) | | | | | SAIZ KUMPULAN (MIN) |
|------------------------------------------------------------------------------------|--------------------|----------------|------------------------------------|-----------------------------------------|--------------------------------|---------------------|
| | BERDUA/ BERTIGA | SINGLE SUPP | KANAK- KANAK DENGAN KATIL | KANAK-KANAK DENGAN KATIL TAMBAHAN | KANAK- KANAK TANPA KATIL | |
| 2026 | | | | | | |
| 8/7 - 12/7 | 2,990 | 500 | 2,990 | 2,850 | 2,690 | 15 - 19 Pax |
| 31/8 - 4/9 | 2,990 | 500 | 2,990 | 2,850 | 2,690 | |
| 2/9 - 6/9 | 2,990 | 500 | 2,990 | 2,850 | 2,690 | |
| 23/9 - 27/9 | 2,990 | 500 | 2,990 | 2,850 | 2,690 | |
| 10/9 - 14/9 | 2,990 | 500 | 2,990 | 2,850 | 2,690 | |
| 24/9 - 28/9 | 2,990 | 500 | 2,990 | 2,850 | 2,690 | |
| 31/10 - 4/10 | 2,990 | 500 | 2,990 | 2,850 | 2,690 | |
| 17/11 - 21/11 | 2,990 | 500 | 2,990 | 2,850 | 2,690 | |
| 28/11 - 2/12 | 2,990 | 500 | 2,990 | 2,850 | 2,690 | |
| 6/12 - 10/12 | 2,990 | 500 | 2,990 | 2,850 | 2,690 | |
| 13/12 - 17/12 | 2,990 | 500 | 2,990 | 2,850 | 2,690 | |
| DISKAUN SENIOR CITIZEN (58 TAHUN & KEATAS) / DISKAUN LOYALTY - RM50/PAX | | | | | | |

PAKEJ TERMASUK:

Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.

Penginapan hotel 4 malam bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar.

Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.

Tiket masuk ke lawatan :-

1. Skywalk Over The River Kwai
2. Safari Park Kanchanaburi
3. Classic Train Ride
4. Chao Phraya River Tourist Boat.

Pengangkutan sampan di Damnoen Saduak Floating Market.

Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.

Perkhidmatan tour leader dan tour guide yang terlatih professional.

Tip untuk tour leader, tour guide dan pemandu bas persiaran.

PAKEJ TAK TERMASUK:

Insurans perjalanan RM64/seorang (Etiqa Insurans) - 70 tahun ke atas tertakluk kepada surcaj

Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.

Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.

Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.

Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.

Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.

*Nota: Kadar tertakluk kepada perubahan tanpa notis awal sekiranya bilangan pax dikurangkan dan disebabkan oleh turun naik mata wang.

ATURCARA PERJALANAN

HARI 1: KUALA LUMPUR - BANGKOK (MM)

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan menuju ke Bangkok.

Setibanya di Bangkok, lawatan dimulakan dengan singgah di:

- Bee Farm – Ladang dan pusat pemprosesan madu lebah berskala kecil yang mempamerkan pelbagai produk madu asli serta barangan berasaskan lebah.

Perjalanan kemudian diteruskan ke Kanchanaburi untuk lawatan ke:

- Kanchanaburi Skywalk – Jambatan kaca moden yang terletak di tebing Sungai Kwai, menawarkan pengalaman berjalan di atas lantai kaca sambil menikmati pemandangan sungai dan bandar Kanchanaburi dari ketinggian.

- River Kwai Bridge – Jambatan bersejarah yang dibina semasa Perang Dunia Kedua sebagai sebahagian daripada laluan Death Railway yang menghubungkan Thailand dan Burma (Myanmar). Lokasi ikonik ini menawarkan pemandangan Sungai Kwai serta peluang bergambar di kawasan yang sarat dengan nilai sejarah.

Bermalam di Kanchanaburi.

HARI 2: KANCHANABURI (SP/MT/MM)

Lawatan di Kanchanaburi:

- Safari Park Kanchanaburi – Safari Park ini menawarkan pengalaman unik di mana pelawat boleh memandu kereta sendiri atau menggunakan pengangkutan yang disediakan untuk melihat haiwan dengan lebih dekat. Tempat ini juga menjadi syurga bagi pencinta fotografi kerana pelawat berpeluang berjumpa dengan pelbagai haiwan seperti anak harimau dan gajah, serta memberi makan kepada zirafah dari jarak dekat. Selain itu, terdapat juga pertunjukan buaya yang menarik.

- Death Railway River Kwai – Melawat jambatan landasan kereta api yang merentasi Sungai Kwai, sebuah lokasi bersejarah yang terkenal dengan gelaran Death Railway. Laluan sepanjang 415km yang menghubungkan Thailand dan Burma (Myanmar) ini dibina semasa Perang Dunia Kedua dan mengorbankan puluhan ribu nyawa buruh paksa.

- Classic Train Ride – Merasai pengalaman menaiki kereta api klasik yang melalui sebahagian laluan Death Railway, sambil menikmati pemandangan Sungai Kwai yang tenang serta bukit-bukau di sekitarnya.

- JJ Local Night Market – Mengisi masa terluang dengan membeli-belah di pasar malam tempatan yang menawarkan pelbagai pilihan makanan jalanan, produk kecantikan, pakaian serta aksesori elektronik.

Bermalam di Kanchanaburi.

HARI 3: KANCHANABURI - RATCHABURI - SAMUT SONGKHRAM - BANGKOK (SP/MT/MM)

Lawatan di Ratchaburi:

- Damnoen Saduak Floating Market – Mengalami pengalaman menaiki sampan menyusuri terusan Damnoen Saduak yang menempatkan salah satu pasar terapung paling terkenal di dunia. Pasar ini telah wujud sejak abad ke-18 dan terkenal dengan suasana meriah peniaga yang menjual pelbagai barangan serta makanan tempatan di atas bot.

Lawatan di Samut Songkhram:

- Maeklong Railway Market – Pasar yang unik di mana para peniaga menjual barangan mereka di sepanjang rel kereta api. Setiap kali kereta api melalui kawasan ini, para peniaga akan dengan pantas mengalihkan barangan dan khemah jualan sebelum kembali berniaga seperti biasa selepas kereta api berlalu.

Lawatan di Bangkok:

- Ramkhamhaeng Night Market – Pasar malam popular di Bangkok yang menawarkan pelbagai barangan seperti pakaian, aksesori dan cenderahati pada harga berpatutan. Lokasi ini juga sesuai untuk bersantai sambil menikmati suasana malam bandar Bangkok.

Bermalam di Bangkok.

HARI 4: KANCHABURI (SP/MT/MM)

Lawatan di Bangkok:

- Gems Factory – Galeri dan kilang batu permata terkenal di Thailand yang mempamerkan proses pemotongan batu permata serta penghasilan barang kemas berkualiti tinggi.

- Platinum Mall (Pratunam Area) – Masa bebas untuk membeli-belah di Platinum Mall, pusat membeli-belah terkenal di Bangkok yang menjadi syurga bagi pencinta fesyen dengan pelbagai pilihan pakaian trendy pada harga borong dan runcit yang berpatutan.

- Chao Phraya River Tourist Boat – Menyusuri Sungai Chao Phraya dengan menaiki bot persiaran sambil menikmati pemandangan bandar Bangkok dari sungai.

- ICONSIAM Shopping Mall – Masa bebas untuk bersiar-siar dan membeli-belah di salah satu pusat membeli-belah paling moden dan terkenal di Bangkok.

Bermalam di Bangkok.

HARI 5: BANGKOK - KUALA LUMPUR (SP/MT)

Lawatan di Bangkok:

- Erawadee Herb – Pusat produk herba dan kesihatan Thailand yang menawarkan pelbagai barangan berasaskan herba semula jadi seperti minyak urut, balm, produk aromaterapi serta suplemen tradisional.

- MBK Center – Kompleks membeli-belah yang menempatkan lebih 2,000 buah kedai dan terkenal sebagai antara lokasi membeli-belah yang sering menjadi tumpuan pelancong, termasuk dari Malaysia.

- December's Mall – Pusat membeli-belah di Bangkok yang menawarkan pelbagai barangan fesyen, pakaian, aksesori serta cenderahati pada harga borong dan berpatutan.

Selepas lawatan, peserta akan menuju ke lapangan terbang untuk menaiki penerbangan pulang dan dijangka tiba di KLIA Terminal 1.

PENGINAPAN:

| BANDAR | HOTEL |
|--------------|-------|
| Kanchanaburi | 2 |
| Bangkok | 2 |

Jadual perjalanan di atas adalah sebagai panduan, mungkin berubah sedikit.

TERMA & SYARAT BERLAKU!

BUTIRAN PENERBANGAN: MALAYSIA AIRLINES (MH)

MH 784 KUL BKK 0900 1015

MH 781 BKK KUL 1940 2250

NON- REFUNDABLE DEPOSIT

RM1,000 / SEORANG

Sebarang pertanyaan tentang pakej hubungi :

Admin Office : 010-321 6357

Zawati : 019-227 7253

Saidatul: 011-2866 2548